

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil bersama dengan Kementerian Pelancongan untuk menangani masalah pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan yang tidak dibenarkan untuk membawa pelancong-pelancong tempatan dengan kenderaan-kenderaan didaftarkan di Malaysia melalui sempadan Malaysia ke dalam Negeri Thai.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada maklumbalas yang kami terima, pada masa ini, pengusaha-pengusaha pelancongan yang mengendalikan bas pelancongan tempatan masih lagi dibenarkan masuk ke Thailand dan menghantar penumpang seperti biasa.

2. Operasi ini telah lama berjalan dan pengusaha Malaysia hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Negara Thailand seperti insuran, cukai jalan, senarai penumpang dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.